

22 AUG 1996
Anwar-Mindanao
MALAYSIA TINGKAT PELABURAN DI MINDANAO

Oleh: Zulkefli Salleh

MANILA, 22 Ogos (Bernama) -- Lebih banyak pelaburan Malaysia akan mengalir ke Mindanao ekoran tercapainya perdamaian antara Manila dan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF).

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata beliau akan meminta pelabur Malaysia berkejasama dan menyokong sektor pelancongan di pulau itu yang disifatkannya sebagai cantik.

"Dengan permusuhan hampir selesai, Malaysia yakin terhadap masa depan Filipina," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Presiden Fidel Ramos di Istana Malacanang.

Anwar, yang dalam rangka lawatan tiga hari sempena sambutan memperingati 100 tahun revolusi Filipina, telah menyatakan kepada Ramos penghargaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sokongan rakyat Malaysia terhadap proses perdamaian itu.

Katanya beliau yakin lebih banyak pelaburan Malaysia akan berlaku di Mindanao kerana kerja-kerja awal telahpun dimulakan oleh pelabur tetapi "dalam proses ini mereka masih was-was kerana isu berkenaan belum selesai."

Ramos dan pemimpin Moro Nur Misuari bertemu di Malabang, Mindanao Isnin lepas bagi menyelesaikan butiran mengenai perjanjian perdamaian untuk menamatkan perang saudara selama 26 tahun antara Manila dan puak pemisah Islam.

Perjanjian itu yang akan ditandatangani 2 Sept ini akan merintis jalan kepada kewujudan kuasa autonomi bagi Moro di pulau itu.

Anwar menyifatkan perjanjian itu sebagai langkah besar bukan saja bagi menyelesaikan permusuhan di Filipina tetapi sesuatu yang baik untuk rantau ini.

"Dengan adanya perdamaian, saya yakin seluruh rantau ini akan menjadi tumpuan bagi kerjasama untuk pembangunan nasional," katanya.

Anwar berkata beliau dan Ramos bersependapat bahawa untuk mencapai tujuan itu, satu mekanisme tambahan perlu ada selain institusi kewangan yang ada.

Ini termasuk kemungkinan menghidupkan semula Amanah Bank bagi membolehkan pelabur asing khususnya dari negara-negara Islam meninjau keadaan di Filipina dan juga Mindanao.

Anwar dijadual berucap pada satu persidangan antarabangsa mengenai revolusi Filipina di sini esok.

Beliau menyerahkan dua buku karya wira Filipina Dr Jose Rizal yang diterjemah ke Bahasa Malaysia berjudul "Bermaharajalelanya Keserakahan" (El-Filibusterismo) and "Jangan Sentuh Aku" (Nolime Tangere) serta kertas kerja yang dibentangkan pada satu seminar mengenai Rizal yang berlangsung di Kuala Lumpur awal tahun ini. --BERNAMA

ZKS MAI